



**PERATURAN PERTANDINGAN
SUKAN PANTAI PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
BOLA JARING PANTAI**

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Gabungan Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa / 'International Netball Federation (INF) dan Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM) / Malaysia Netball Association (MNA).

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Sukan Pantai Perasatuan Badan Berkanun Malaysia yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk, Pengelola serta Teknikal & Pertandingan ini.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Antara Pasukan.

4. PENDAFTARAN PERMAINAN / PEMBENTUKAN PASUKAN

4.1 Pemain 10 orang

4.2 2 orang Pegawai Pasukan iaitu :
1 orang Pengurus Pasukan
1 orang Jurulatih Pasukan

5. PASUKAN / PERTUKARAN PEMAIN / GELANGGANG

5.1 Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya minimum 4 (empat) orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada jumlah ini pasukan tersebut dikira menerima kekalahan.

5.2 Hanya 5 orang maksimum yang akan berada di dalam gelanggang bagi satu-satu perlawanan bagi setiap pasukan. Posisi 'Goal Shooter' (GS) dan 'Goal Keeper' (GK) tidak ada dalam pasukan.

5.3 Ukuran gelanggang bagi Bola Jaring Pantai adalah 80 kaki x 40 kaki meter persegi.

6. PINDAAN UNDANG-UNDANG PERMAINAN (TERKINI)

6.2.1 Masa pemberhentian kecederaan yang dibenarkan adalah seperti berikut :

6.2.1.1 Masa pemberhentian kecederaan dibenarkan adalah seperti berikut :

6.2.1.2 Semua pemberhentian kecederaan / kesakitan, hanya sehingga 30 saat sahaja, dan pemain yang bersangkutan harus meninggalkan gelanggang.

6.2.1.3 Pemberhentian kecederaan seperti pendarahan MESTILAH dirawat diluar gelanggang. Pemain simpanan perlu mengambil tempat yang ditinggalkan oleh pemain tadi

7. SISTEM PERTANDINGAN

7.1 Sila rujuk Peraturan Am Sukan Pantai Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

8. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

8.1 Secara Liga

8.1.1 Cara memberi mata :

Menang	-	3 mata
Seri	-	1 mata
Kalah	-	0 mata

8.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

8.1.2.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira pemenang;

8.1.2.2 Jika masih seri, maka pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol akan dikira pemenang ;

8.1.2.3 Jika masih sama, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya dalam perlawanan awal akan dikira pemenang.

8.2 Secara Kalah Mati

Jika keputusannya berakhir dengan seri pada peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir, maka keputusan pertandingan akan ditentukan seperti berikut:-

8.2.1 Pertandingan disambung semula setelah berehat 2 minit.

8.2.2 Masa tambahan selama dua (2) x lima (5) minit setiap bahagian akan dimainkan.

8.2.3 Pasukan bertukar Kawasan gol dan perlawanan dimulakan semula oleh pasukan yang berhak kepada Hantaran Tengah.

8.2.4 Pasukan bertukar Kawasan Gol di separuh masa tanpa rehat

8.2.5 Hantaran Tengah diambil oleh pasukan yang berhak kepada Hantaran Tengah yang berikutnya.

8.2.6 Sekiranya berlaku seri di akhir masa tambahan permainan akan diteruskan sehingga satu pasukan mendapat dua (2) kelebihan.

9. MASA BERMAIN

9.1 10 minit x 3 minit x 10 minit.

(Pasukan hendaklah bertukar gol selepas separuh masa permainan).

10. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal di luar kawal kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan hendaklah dilangsungkan pada tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

11. PAKAIAN

11.1 Rujuk Undang-Undang Antarabangsa.

11.2 Huruf-huruf bib dibawah hendaklah tertera di bahagian hadapan dan belakang baju pemain iaitu :

GA	-	Penyerang Gol	(Goal Attack)
WA	-	Penyerang Sayap	(Wing Attack)
C	-	Pemain Tengah	(Centre)
WD	-	Penangkis Sayap	(wing Defense)
GD	-	Penahan Gol	(Goal Defense)

11.3 Semua pemain perlu memakai kasut sepanjang perlawanan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini (kecederaan)

12. KELEWATAN

12.1 Hanya 10 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma kepada pasukan yang berada di gelanggang dengan 3 mata dan jaringan 10-0.

13. BANTAHAN / RAYUAN

Mengikut Peraturan Am Sukan Pantai Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

14. PERKARA-PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am Sukan Pantai Persatuan Badan Berkanun Malaysia.